

Kejayaan Kuktem

- Anugerah Perdana Teknologi Maklumat 2003.
- Anugerah Merit APICTA 2003.
- Pingat Perak dan Gangsa di ITEX2005.
- Empat penyelidikan Kolej Universiti ini masing-masing memenangi satu pingat emas, perak (satu), gangsa (dua) di Pameran Bioteknologi Asia 2005 yang diadakan di PWTC, Kuala Lumpur, baru-baru ini.
- Kuktem dipilih oleh Mampu sebagai satu daripada pusat inisiatif sumber terbuka (Open Source) negara.

Asia 2005 yang diadakan di PWTC, Kuala Lumpur.

Di samping itu juga, Kuktem dipilih oleh Mampu sebagai satu daripada pusat inisiatif sumber terbuka (Open Source) negara.

Anugerah dan penghormatan yang diterima oleh Kolej Universiti ini menggambarkan keazaman Kolej Universiti ini untuk menuju ke hadapan.

Kuktem melakar kecemerlangan

Projek penyelidikan dapat perhatian masyarakat setempat

Oleh Zaharah Manan

SEJAK penubuhannya pada 2002, Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (Kuktem) telah menyumbang kepada pembangunan dan penerokaan ilmu di negeri Pahang amnya, dan di bandar Kuantan dan kawasan sekitarnya.

Ditubuhkan oleh Kerajaan Pusat, ia adalah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) ke-16, yang mula beroperasi di kampus sementara di Bandar Indera Mahkota, Kuantan.

Pengambilan pelajar pertamanya yang diadakan pada 30 Jun 2002 yang mana seramai 307 pelajar mendaftar pada sesi pengambilan itu.

Pada April 2003, Kolej Universiti ini berpindah ke kampus baru sementara yang lebih luas dan selesai di Bandar MEC, Gambang.

Kampus tetap Kuktem sedang dalam pembinaan di Mukim Kuala Pahang, Pekan dan fasa pertamanya dijangka siap menjelang 2008.

Sebagai sebuah IPTA yang men-

dukung aspirasi kerajaan, Kuktem telah diberikan tanggungjawab untuk memfokuskan bidang pengajiannya kepada dua cabang ilmu yang utama iaitu Kejuruteraan Kimia dan Bioteknologi Industri serta Kejuruteraan Automotif dan Pembuatan.

Kuktem berfungsi sebagai sebuah universiti pengajaran (teaching university) iaitu tumpuan yang tinggi diberikan terhadap pengajaran dan latihan (teaching and training).

Dalam bidang penyelidikan pula, Kuktem menumpukan kepada Penyelidikan Gunaan (Applied Research) dan projek industri (Industrial Projects) dengan industri setempat bagi memperkayakan pengajaran dan pembelajaran.

Ada lima fakulti yang menawarkan kursus pada peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.

Di samping itu, Kuktem menawarkan program pasca-siswazah yang dijalankan secara penyelidikan.

Pada masa ini, ada seramai 3,000 pelajar pra-siswazah serta 24 pelajar Pasca-siswazah di kolej universiti ini.

Graduan sulung Kuktem dijangka menamatkan pengajian awal tahun hadapan.

Diharapkan graduan yang dihasilkan oleh kolej universiti ini mempunyai daya saing yang tinggi dan memenuhi kehendak industri

Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam, Kuktem memfokuskan bidang pengajiannya kepada dua cabang ilmu yang utama iaitu Kejuruteraan Kimia dan Bioteknologi Industri serta Kejuruteraan Automotif dan Pembuatan

masa kini.

Kuktem juga menjalin kerjasama dengan pelbagai agensi industri di negeri Pahang khasnya yang berkaitan bidang fokus kolej universiti.

Pembabitian Kuktem bersama Kerajaan Pahang dalam proses menghasilkan Pelan Induk ICT Negeri Pahang dan Pelan Induk Bioteknologi Negeri Pahang memperlihatkan kan peranan kolej universiti ini dalam membantu memperkasakan negeri ini.

Beberapa projek penyelidikan Kuktem berjaya mendapat perhatian masyarakat setempat dan pengiktirafan diberikan kepada projek terbabit.

Antara anugerah diterima Kuktem ialah Anugerah Perdana Teknologi Maklumat 2003, Anugerah Merit APICTA 2003, Pingat Perak dan Gangsa di ITEX2005 dan baru-baru ini seramai empat penyelidikan Kolej Universiti ini masing-masing memenangi satu pingat emas, perak (satu), gangsa (dua) di Pameran Bioteknologi